



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**5 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)**

## Vaksin Tempatan Benteng Awal Keselamatan Industri Ayam Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Dalam Talian	4 Feb



*Gambar hiasan BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Pada awal 1990-an, industri penternakan ayam negara berdepan krisis susulan peningkatan kes kematian ternakan secara tiba-tiba, sekali gus mengancam kestabilan pasaran dan keterjaminan makanan. Industri itu bukan lagi sekadar subsektor pertanian, malah antara tunjang utama bekalan protein negara.

Krisis berkenaan berpunca daripada penyakit bursa berjangkit (IBD) atau gumboro, yang pertama kali

dilaporkan di Delaware, Amerika Syarikat pada 1957 sebelum merebak ke Eropah pada 1980-an.

Penyakit ini menjangkiti ayam muda berusia tiga hingga enam minggu dengan kadar jangkitan yang sangat tinggi serta kadar kematian hampir 100 peratus, sekali gus berisiko melumpuhkan keseluruhan rangkaian pengeluaran ayam sesebuah negara.

Ayam yang terselamat pula berisiko mengalami kerosakan kekal pada sistem

imun, menjadikan ternakan lemah dan tidak responsif terhadap vaksin lain, selain terdedah kepada penyakit sekunder yang meningkatkan kos penternak.

Insiden IBD yang pertama kali dikesan di Malaysia pada 1991 membawa kepada kelahiran seorang pakar patologi veterinar tempatan. Prof Datuk Dr Mohd Hair Bejo, yang ketika itu baru menamatkan pengajian doktor falsafah dalam bidang patologi veterinar di University of Liverpool, United Kingdom, menjadi penyelidik pertama mengesan dan melaporkan kes IBD di negara ini.

Bertugas di Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga kini, beliau ditugaskan mengendalikan penularan penyakit IBD, yang seterusnya membawa kepada penyelidikan dan pembangunan vaksin tempatan bagi menangani gumboro secara sistematik.

Menurut beliau, pada 1993, pasukannya berjaya mengasingkan strain virus IBD daripada sampel ladang ayam UPM, dikenali sebagai isolat UPM93. Namun, kejayaan itu hanyalah asas kepada pembangunan vaksin apabila usaha berterusan selama hampir 13 tahun akhirnya menghasilkan

vaksin MyVac IBD V877 yang berjaya dikomersialkan pada 2005.

Kejayaan tersebut menjadi asas kepada penghasilan vaksin kedua, MyHatch UPM93, yang dibangunkan bermula 2009 dan dipasarkan pada 2015. Kedua-dua vaksin itu menggunakan virus hidup yang dilemahkan serta strain tempatan, menjadikannya lebih berkesan dan tepat sasaran.

Dari segi penggunaan, MyVac digunakan di ladang kecil dan sederhana melalui air minuman, manakala MyHatch diberikan melalui suntikan automatik di pusat penetasan untuk ladang berskala besar. Antibodi akan terbentuk dalam tempoh lima hingga tujuh hari, iaitu fasa kritikal apabila anak ayam paling terdedah kepada jangkitan penyakit.

Kedua-dua vaksin itu juga sedang dalam proses pemasaran di luar negara dan berada pada peringkat pendaftaran dengan pihak berkuasa berkaitan.

Pembangunan vaksin tempatan ini turut menyokong usaha mengurangkan penggunaan antibiotik, sekali gus membantu membendung isu kebolehrintangan antibiotik serta menyokong pendekatan kesihatan awam

bersepadu.

Bagi memastikan pengeluaran berkualiti, UPM bekerjasama dengan rakan industri, Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP), yang menghasilkan vaksin di fasiliti bertaraf Good Manufacturing Practice (GMP). Kapasiti pengeluaran semasa mencecah sekitar 100 juta dos setahun.

Kerjasama ini turut disokong Jabatan Perkhidmatan Veterinar melalui Institut Penyelidikan Veterinar, yang berperanan menyediakan garis panduan, kemudahan ujian keselamatan serta sokongan teknikal.

Usaha bersepadu antara universiti, industri dan agensi kerajaan ini memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap ancaman penyakit ternakan, sekali gus membantu menjamin keselamatan makanan dan kestabilan industri ayam negara.— [SUARASARAWAK](#)

## Benteng Awal Keselamatan Makanan: Vaksin Tempatan Yang Mengubah Industri Ayam Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Dalam Talian	4 Feb



Prof Datuk Dr Mohd Hair Bejo yang ketika itu baru sahaja menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah dalam bidang patologi veterinar di University of Liverpool, United Kingdom, menjadi penyelidik pertama yang mengesan dan melapor kes IBD di negara ini.

Pada awal 1990-an, industri penternakan ayam negara berdepan krisis apabila berlaku peningkatan kes kematian ternakan secara tiba-tiba, yang mengancam kestabilan pasaran dan juga keterjaminan makanan kerana industri itu bukan lagi sekadar subsektor pertanian tetapi antara tunjang bekalan protein negara.

Insiden itu diakibatkan oleh penyakit bursa berjangkit (IBD) atau gumboro, yang pertama kali dilaporkan di Delaware, Amerika Syarikat pada 1957, sebelum merebak ke serata Eropah pada 1980-

an. Menjangkiti ayam muda berusia tiga hingga enam minggu, penyakit ini mempunyai kadar jangkitan yang sangat tinggi dengan kadar kematian hampir 100 peratus, sekali gus berisiko melumpuhkan keseluruhan rantai pengeluaran ayam sesebuah negara.

Ayam yang terselamat pula berisiko mengalami kerosakan kekal sistem imun, menjadikan ia lemah dan tidak responsif terhadap vaksin lain, mendedahkan mereka kepada penyakit sekunder yang seterusnya meningkatkan lagi kos

penternak.

## LAHIRNYA TEMPATAN

Insiden IBD yang kali pertama dikesan di Malaysia pada 1991 itu bagaimanapun membawa hikmah tersendiri, iaitu kelahiran seorang pakar patologi veterinar tempatan. Prof Datuk Dr Mohd Hair Bejo yang ketika itu baru sahaja menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah dalam bidang patologi veterinar di University of Liverpool, United Kingdom, menjadi penyelidik pertama yang mengesan dan melapor kes IBD di negara ini.

Bertugas di Universiti Putra Malaysia (UPM) hingga kini, beliau ditugaskan mengendali penularan penyakit IBD yang seterusnya membawa kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin tempatan bagi menangani gumoro secara sistematik.

“Ketika itu kita berdepan dengan strain virus yang sangat ganas. Vaksin sedia ada tidak lagi mencukupi untuk melindungi ayam, terutamanya di ladang komersial berskala besar,” kongsinya, mengimbau sejarah tersebut ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

## VAKSIN

Untuk menghasilkan vaksin, penyelidik perlu terlebih dahulu mengkaji virus tersebut, dan pada 1993, Mohd Hair dan kumpulannya berjaya mengasingkan strain virus IBD, atau isolat, daripada sampel sebenar yang diambil di ladang ayam UPM.

“Kita perlu ambil sampel dari ladang tempatan kerana strain virus memainkan peranan besar dalam keberkesanan vaksin. Jika strain tidak sepadan dengan vaksin, perlindungan tidak optimum,” jelasnya.

Namun kejayaan menghasilkan isolat UPM93 itu hanya aspek asas dalam pembangunan vaksin, kerana beliau dan pasukannya bertungkus-lumus hampir 13 tahun lagi sebelum vaksin MyVac IBD UPM93 terhasil dan berjaya dikomersialkan pada 2005.

Kejayaan itu juga menjadi asas penghasilan vaksin kedua MyHatch UPM93 yang mengambil masa enam tahun bermula 2009 dan dipasarkan pada 2015.

## KELEBIHAN TERSENDIRI

Mengulas lanjut, Mohd Hair berkata kedua-dua vaksin keluaran tempatan itu mempunyai kelebihan tersendiri berbanding dengan yang sedia ada di

pasaran.

“Antara kelebihan MyHatch (dan MyVac) berbanding vaksin lain yang ada ialah, ia menggunakan virus hidup yang dilemahkan, yang mampu merangsang imuniti hampir sama seperti jangkitan sebenar. Tambahan pula, strain virus yang digunakan adalah strain tempatan yang sama dengan virus di ladang, menjadikan vaksin ini lebih tepat sasaran dan lebih berkesan berbanding vaksin yang menggunakan strain luar atau tidak sepadan,” jelasnya.

Dari segi penggunaan pula, beliau berkata tidak berpegang pada pendekatan “one-size-fits-all”, vaksin itu disesuaikan mengikut saiz ladang dengan MyVac untuk kegunaan ladang kecil dan sederhana, sementara MyHatch bagi ladang berskala besar yang mempunyai system integrasi dan automasi.

“Berbeza dengan MyVac yang hanya boleh diberikan melalui air bancuhan minuman di ladang bagi ayam yang berumur 10 hingga 14 hari, MyHatch UPM93 pula diberikan melalui suntikan automatic di pusat penetasan, iaitu sebaik sahaja anak ayam menetas dari telur.

“Suntikan MyHatch dapat

memastikan setiap anak ayam menerima dos yang tepat dan seragam dengan perlindungan bermula seawal hari pertama kehidupan,” jelasnya.

Menjelaskan dengan lebih lanjut, beliau berkata antibodi akan terbentuk dalam tempoh lima ke tujuh hari, iaitu satu fasa kritikal ketika anak ayam paling mudah terdedah kepada jangkitan penyakit.

Menurut beliau, kedua-dua vaksin itu juga dalam proses pemasaran di luar negara, antaranya Indonesia, Iran, Arab Saudi serta Rusia, dan kini di peringkat pendaftaran dengan pihak berkuasa berkaitan di negara-negara terbabit.

## ISU ANTIBIOTIK DAN KESIHATAN AWAM

Pembangunan vaksin tempatan itu turut berkait rapat dengan isu kebolehrintangan antibiotik atau AMR. Apabila sistem imun ayam rosak, penternak terpaksa bergantung pada antibiotik untuk merawat jangkitan sekunder yang turut berisiko mencetuskan AMR, iaitu keadaan di mana antibiotik tidak lagi berkesan membendung jangkitan.

Justeru, dengan adanya vaksin yang berkesan, keperluan pada antibiotik

dapat dikurangkan, sekali gus menyokong usaha nasional dan global dalam membendung AMR.

“Ini bukan sahaja baik untuk ladang, tetapi juga untuk Kesihatan awam,” tambah Mohd Hair, sambil menegaskan kepentingan melaksanakan pendekatan “One Health” yang digagaskan Pertubuhan Kesihatan Dunia dalam menghubungkan Kesihatan haiwan, manusia dan alam sekitar.

Berkongsi perkembangan terkini, beliau dan pasukan penyelidik sedang melakukan uji kaji teknologi lanjutan membabitkan In-Ovo Vaccination, ataupun suntikan vaksin terus ke embrio telur ayam, menjadikan perlindungan daripada penyakit berjangkit dapat bermula seawal telur tersebut menetas, dengan uji kaji ini berpotensi dikembangkan untuk menghasilkan produk baharu pada masa depan.

Menurutnya, langkah itu juga kritikal kerana virus sentiasa bermutasi, mewujudkan strain baharu dan membawa ancaman berbeza.

“Kita kenal pasti strain terkini pada 2017, dinamakan Novel IBD virus, dan kita kini di fasa R&D calon virus yang sesuai,” katanya, menambah kejayaan

pembangunan dua vaksin tersebut membuktikan inovasi tempatan mampu memberi impak besar apabila disokong oleh kerjasama erat antara universiti dan industri.

“Paling utama kita kena perlu tingkatkan keyakinan dan kepercayaan kepada keupayaan penyelidik tempatan demi melindungi rantai makanan negara dan kesejahteraan rakyat,” ujarnya.

#### MVP DAN PIAWAIAN BERTARAF GMP

Bagi memastikan vaksin berkualiti tinggi itu sampai ke pasaran, UPM bekerjasama dengan rakan industri, Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP), iaitu syarikat pengeluar vaksin veterinar terkemuka negara.

Pengarah Eksekutif MVP Rashidah Ibrahim berkata pengeluaran vaksin MyHatch UPM93 dilakukan di fasiliti bertaraf Good Manufacturing Practice (GMP) yang mematuhi piawaian antarabangsa termasuk World Organisation for Animal Health dan ASEAN GMP.

“Pematuhan GMP memastikan setiap kelompok vaksin dihasilkan secara konsisten, selamat dan

bermutu tinggi. Vaksin bukan produk yang boleh dikompromi dari segi kualiti," katanya ketika dihubungi.

Ketika ini, mereka mengeluarkan sekitar 100 juta dos setahun, bersamaan perlindungan kepada kira-kira 100 juta ekor ayam. Untuk perspektif, data rasmi terkini Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bilangan ayam di Malaysia meningkat kepada sekitar 327.3 juta ekor pada 2024.

"Dalam konteks ini, kapasiti 100 juta dos setahun bermakna MyHatch UPM93 mampu melindungi sebahagian besar populasi ayam yang ditenak setiap tahun. Malaysia juga terkenal sebagai antara negara pengguna ayam tertinggi di dunia, dengan purata penggunaan sekitar 50 kilogram daging ayam dan 370 biji telur seorang setahun," tambah Rashidah.

Kesan vaksinasi yang berkesan jelas kelihatan di ladang apabila ayam lebih sihat, membesar dengan baik dan mencapai berat pasaran dalam tempoh disasarkan.

"Apabila feed conversion ratio menjadi lebih baik dan kadar kematian berkurang, hasil ladang menjadi lebih stabil. Apabila penyakit dapat dikawal, bekalan ayam kekal mencukupi, harga lebih

terkawal dan pengguna mendapat akses kepada protein yang mampu milik," katanya lagi.

Bagi terus memperkukuh pelaksanaan di peringkat ladang, beliau berkata pihaknya menyediakan sokongan teknikal secara berterusan menerusi seminar, jeyawara dan khidmat nasihat di lapangan.

"Hasil pendekatan inilah wabak IBD semakin jarang dilaporkan. Namun, keadaan ini bukan bermakna penyakit tersebut sudah lenyap... ia masih wujud dan boleh menjadi ancaman kepada sekuriti makanan negara. Virus ini boleh bertahan lama dalam persekitaran ladang, sebab itu vaksin mesti diberikan pada setiap kitaran ternakan," tegas beliau.

## PERANAN DVS BANGUNKAN VAKSIN TEMPATAN

Sebagai institusi utama yang menyokong pembangunan vaksin di negara ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melalui Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) di Ipoh, Perak sentiasa berusaha memperkukuh usaha sama antara penyelidik universiti dan rakan industri.

Menurut DVS dalam kenyataan kepada Bernama, mereka antara lain menyediakan garis panduan

berkaitan pendaftaran vaksin veterinar, selain menjadi pemudah cara proses pendaftaran dan kelulusan vaksin hasil penyelidikan tempatan.

DVS turut memainkan peranan penting dengan membantu dari segi perkongsian maklumat, memberikan latihan teknikal tertentu apabila diperlukan dan menyediakan kemudahan Ujian Keselamatan produk vaksin.

Buktinya, beberapa kolaborasi dengan pihak MVP telah berjaya dilaksanakan sebelum ini melibatkan penghasilan vaksin Pasteurella itik dan Newcastle Disease (ND), dengan DVS menyediakan kemudahan benih vaksin dan fasiliti penghasilan vaksin untuk kegunaan industri.

“Langkah ini bukan sahaja mempercepat inovasi vaksin tempatan, tetapi juga meningkatkan kesiapsiagaan negara terhadap ancaman penyakit baharu, selari dengan cabaran perubahan iklim dan isu keselamatan makanan global,” katanya.

Bukan itu sahaja, melalui Projek Pembangunan Vaksin di bawah Rancangan Malaysia ke-12 yang baru berakhir tahun lepas, VRI telah berjaya menjalankan penyelidikan untuk menambah baik vaksin

ternakan sedia ada dengan peruntukan sebanyak RM500,000.

Penyelidikan vaksin haiwan ini terbukti berhasil dalam memastikan kesihatan ternakan serta terus menjamin keselamatan sumber makanan negara, termasuk sektor ayam, kambing, dan biri-biri.

“Apabila semua usaha ini digerakkan secara berstruktur dan terancang bersama-sama semua pemain industri, barulah penghasilan vaksin untuk menangani virus strain tempatan akan dapat terus dipertingkatkan, sehingga akhirnya membolehkan perancangan stok bekalan yang lebih strategik dilaksanakan. Ini sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan negara terhadap wabak dan mengurangkan kebergantungan pada industri daging import”.-

[BERNAMA](#)

**DVS Sabah Rampas Produk Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit  
Bernilai RM268,410**

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
TV Sabah News	News Portal	Dalam Talian	5 Feb



KOTA KINABALU, 5 Februari 2026: Operasi penguatkuasaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS Sabah) berjaya menggagalkan percubaan membawa masuk produk ayam sejuk beku tanpa permit import yang sah, berdasarkan hasil maklumat risikan, pada 30 Januari lalu.

Operasi yang diketuai oleh DVS Wilayah Kota Kinabalu itu melibatkan pemeriksaan sebuah kontena 40 kaki di Pelabuhan Sepanggar sebelum tindakan susulan diambil di sebuah permis bilik sejuk, di Inanam Laut.

Pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Susulan itu, tindakan sitaan telah diambil ke atas 27,000 kilogram produk paha ayam sejuk beku dengan nilai anggaran RM268,410.00, selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar,

berkata, “Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah atas tindakan pantas, berkesan dan profesional dalam melindungi keselamatan makanan serta kepentingan rakyat Sabah.”

“Kerajaan Negeri memandangkan serius sebarang cubaan membawa masuk produk makanan tanpa kelulusan yang sah kerana ia boleh menjejaskan kesihatan awam, biosekuriti serta kepercayaan rakyat terhadap sistem kawalan makanan negara,” katanya.

Jelasnya lagi, operasi itu merupakan bukti ketegasan dan komitmen berterusan Sabah dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan undang-undang dibenarkan berada di pasaran.

Sementara itu, Dr Zul Bahar, Pengarah DVS Sabah menjelaskan bahawa operasi tersebut dilaksanakan secara terancang dan berperingkat.

“Operasi ini dilaksanakan dengan kerjasama erat antara Unit Penguatkuasaan DVS Wilayah Kota Kinabalu, Unit Pemeriksa Veterinar serta Unit Kuarantin DVS KKIA/Kargo, selaras dengan komitmen berterusan DVS Sabah dalam memperkukuh

keselamatan makanan dan biosekuriti negeri,” kata Dr Zul.

Dr Zul Bahar turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kerjasama erat dan sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan operasi tersebut. Sinergi antara agensi-agensi ini membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berintegriti.-

[TVSABAHNEWS](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR